

Headline **SK Sri Kelana Juara Kitar Semula Kotak Minuman**
Date **28 Dec 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Pendidikan**
Journalist **Noor Azlina Zainudin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **584 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,388**
PRValue **37,164**



SK Sri Kelana Juara Kitar Semula Kotak Minuman

Noor Azlina Zainudin

Usaha kira-kira 44 000 orang murid dari 25 sekolah rendah sekitar Lembah Klang yang bertungkus-lumus mengumpul, membersihkan dan mengitar semula kotak minuman selama enam bulan berakhir baru-baru ini apabila Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Kelana, Selangor diumumkan sebagai juara.

Pada Pertandingan Kitar Semula Kotak Minuman anjuran Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd (Tetra Pak) itu, SK Sri Kelana berjaya mengumpul sejumlah 194 000 kotak minuman untuk membolehkan mereka membawa pulang hadiah utama iaitu wang tunai RM5 000 dan trofi.

Tempat kedua dimenangi SK Ampang Campuran, Selangor manakala SK

Taman Maluri, Kuala Lumpur di tempat ketiga. Mereka masing-masing membawa pulang wang tunai RM3 000 dan RM2 000 berserta sijil.

Sementara itu, Tahun 5 Andalas dari SK Taman Sri Andalas, Klang, Selangor muncul sebagai kelas yang mengumpul kotak minuman yang boleh dikitar semula terbanyak. Mereka menerima trofi dan lawatan sambil belajar sehari ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Antara sekolah lain yang turut mengambil bahagian ialah SK Seksyen 20, Shah Alam; SK Puchong Indah; SK Pandan Indah; SK Damansara Damai 1; SK Taman Tun Dr Ismail Jaya dan SK Kampung Jawa 2, Selangor; SK Bukit

Bandaraya; SK Bangsar; SK Setiawangsa dan SK Seksyen 1 Bandar Kinrara, Kuala Lumpur.

Pengarah Komunikasi Alam Sekitar Tetra Pak, Puan Terryz Tan, berkata pertandingan itu yang mendapat sokongan Kementerian Pelajaran dan FRIM bertujuan menanam minat dan memupuk tabiat cintakan alam sekitar di kalangan murid antaranya dengan cara mengitar semula kotak minuman.

Katanya, Tetra Pak melancarkan Program Kitar Semula Kotak Minuman dengan tema Memelihara Alam Sekitar pada Mac lalu mencakupi tiga bahagian utama iaitu sesi pembelajaran alam sekitar, karnival mini dan pertandingan kitar semula.

"Sesi pembelajaran alam sekitar dijalankan di

sekolah pada Mac dan April lalu diikuti karnival mini sehari membabitkan tayangan video, permainan, sudut kraf tangan dan pameran pada Jun hingga Julai di semua 25 sekolah terbabit.

"Kemuncak kempen ialah Pertandingan Kitar Semula

Kotak Minuman yang dijalankan selama enam bulan bermula April hingga Oktober lalu di mana sejumlah 918 545 karton berjaya dikumpulkan untuk dikitar semula," katanya pada majlis penyampaian hadiah.

Pada majlis itu, Tetra Pak turut menyumbangkan wang tunai RM10 000 kepada FRIM bagi membantu mereka meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar di kalangan masyarakat.



Lawatan ke FRIM memberi saya peluang mengenali pelbagai flora dan fauna yang unik serta memiliki ciri tertentu. Kejayaan mengumpul kotak minuman kitar semula terbanyak memberi semangat untuk kami terus mengumpul apa sahaja yang boleh dikitar semula

sebagai langkah memelihara alam sekitar."

*Mohammad Afiq Mohd Zailani
SK Taman Sri Andalas*

Headline	SK Sri Kelana Juara Kitar Semula Kotak Minuman	Language	Malay
Date	28 Dec 2009	Page No	2
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	584 cm²
Section	Pendidikan	Color	Full Color
Journalist	Noor Azlina Zainudin	ADValue	12,388
Frequency	Daily	PRValue	37,164
Circ / Read	192,917 / 1,521,000		



Pemegang Pertandingan Kitar Semula Kotak Minuman bergambar selepas majlis penyampaian hadiah, baru-baru ini.



Murid Tahun 5, Andalas dari SK Taman Sri Andalas gembira semasa mengikuti lawatan sehari ke FRIM.

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

SK Sri Kelana Juara Kitar Semula Kotak Minuman
28 Dec 2009
Berita Harian
Pendidikan
Noor Azlina Zainudin
Daily
192,917 / 1,521,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
2
584 cm²
Full Color
12,388
37,164



Kakitangan FRIM memberi penerangan mengenai sejenis pokok yang ditanam di FRIM kepada murid Tahun 5 Andalus.